





## [General](#)

# UMP melonjak kedudukan ke-188 Universiti Terbaik Asia

25 October 2018

Kuantan, 24 Oktober- Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah membanggakan apabila mencatatkan pencapaian terbaik dalam QS University Ranking Asia: 2019 dengan memperbaiki kedudukan dari 251-300 ke kedudukan 188 terbaik di Asia. Lebih membanggakan lagi pencapaian ini diperolehi sebaik sahaja UMP dianugerahkan Penarafan 5 Bintang oleh Quacquarelli Symonds pada 17 Julai 2018 lalu.

Bukan itu sahaja malahan sepanjang tahun ini UMP mencapai kecemerlangan apabila meraih cemerlang lima bintang dalam semua penarafan pencapaian termasuklah Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMohes) dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara.

---

Dengan keputusan QS Asian University Rankings 2019 yang telah diumumkan baru-baru ini, UMP merupakan universiti pertama dalam kalangan universiti teknikal (MTUN) yang berjaya berada pada tahap kedudukan terbaik Asia. Pencapaian ini mengambilkira 11 kriteria penilaian iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah fakulti dan pelajar, jumlah sitasi bagi penerbitan, jumlah penerbitan saintifik per fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa, staf akademik antarabangsa, pelajar antarabangsa, pertukaran pelajar ke luar negara, pertukaran pelajar antarabangsa ke dalam negara.

Selain itu, UMP mencatatkan perkembangan positif bagi dua kriteria utama iaitu reputasi akademik dan reputasi majikan yang perlihatkan bahawa asas dan halatuju universiti yang semakin kukuh dan matang.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, penarafan ini merupakan satu instrumen penanda aras yang membolehkan UMP mengkaji dan memperbaiki pencapaian universiti dari pelbagai perspektif.

Ujarnya, menjadi antara universiti yang agak muda di Malaysia juga merupakan cabaran terutamanya dalam menjalin kerjasama penyelidikan dengan pihak industri dan ahli akademik dan universiti terkemuka.

Walau bagaimanapun UMP mampu bersaing dan menempatkan diri antara universiti terbaik Asia dengan hasil usaha berterusan selari dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

“Bertepatan dengan tema menjana kegemilangan UMP akan terus memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Keunggulan Jenama dan Kemampuan Sosio- Ekonomi dan Persekitaran,” katanya.

UMP akan terus memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih kreatif juga inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

***Disediakan oleh Hazlina Faizal dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.***

TAGS / KEYWORDS

[Kedudukan Terbaik Asia](#)

[QS Ranking](#)

- 132 views

[View PDF](#)

